



**PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2010**

Dekan/Pengarah/Ketua  
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

**PERLANTIKAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)/ PEMBANTU PENYELIDIK (RA)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari mendapati bahawa terdapat lantikan/(LPG) lewat dikeluarkan oleh Fakulti/Institut/Pusat iaitu selepas kerja/perkhidmatan diberi oleh GRA/RA berkenaan. Ini bermakna GRA/RA tidak mendapat gaji/elaun selama beberapa bulan. Terdapat juga kes di mana LPG dan pembayaran gaji/elaun diterima selepas tempoh lantikan tamat.

3. Sehubungan dengan itu, Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan hendaklah memastikan supaya lantikan GRA/RA dikeluarkan dahulu sebelum GRA/RA mula bertugas supaya gaji/elaun dapat dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan di dalam memastikan penambahbaikan dalam perkara ini sangat diharapkan demi meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Sekian. Terima kasih.

**MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k. ~ Naib Canselor UKM  
~ Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM  
~ Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM  
~ Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM  
~ Timbalan Naib Canselor (hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM  
~ Pendaftar, UKM